

*Artikel*

**Teori dan Model Semangat Kekitaan dalam Memperkuuh Perpaduan di Malaysia:  
Perspektif Islam dan Barat**

(*Theory and Model of Belongingness in Strengthening Unity in Malaysia:  
Islamic and Western Perspectives*)

Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli & Siti Nor Azhani Mohd Tohar\*

Pusat Pengajian Teras (Centre of Core Studies), Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [azhanitohar@usim.edu.my](mailto:azhanitohar@usim.edu.my)

Diserah: 24 Januari 2025

Diterima: 11 April 2025

**Abstrak:** Perbincangan mengenai teori dan model semangat kekitaan atau disebut juga ‘sense of belonging’ telah rancak dibahaskan dalam pelbagai cabang ilmu meliputi pelbagai perspektif termasuklah Islam dan Barat. Hal ini bagi memastikan matlamat kesejahteraan dan keharmonian hidup dapat dikecapi oleh setiap generasi terutama bagi negara yang berlatar belakangkan masyarakat multi etnik. Justeru, makalah ini bertujuan meninjau persamaan dan perbezaan teori dan model semangat kekitaan dari perspektif Islam dan Barat serta serta sejauh mana teori dan model ini dapat memperkuuh perpaduan di Malaysia. Perbincangan ini dibuat melalui metodologi analisis kandungan bersumberkan bahan ilmiah artikel jurnal, prosiding dan buku ilmiah mengenai Teori Semangat Kekitaan (*‘asabiyyah*) Ibnu Khaldun, Teori Pilihan Glasser dan Kerangka *Sense of Belonging* (Allen et. al, 2021). Hasil dapatan menunjukkan terdapat persamaan di antara ketiga-tiga teori dan model ini, iaitu dari sudut inti pati teori yang menekankan aspek hubungan sosial manakala perbezaan pula dari sudut mekanisme pembentukan semangat kekitaan. Ketiga-tiga teori dan model ini juga didapati dapat membentuk asas perpaduan yang holistik dalam mendepani isu berkaitan hubungan sosial, pendorong kepada tingkah laku individu dan mekanisme bagi memperkuuh semangat kekitaan di peringkat interpersonal dan intrapersonal. Implikasinya, walaupun teori dan model semangat kekitaan yang dibincangkan dalam makalah ini adalah berbeza dari segi garis masa dan sudut pandang, namun ia masih relevan untuk memperkuuh perpaduan kaum dalam sesebuah negara.

**Kata kunci:** Semangat kekitaan; *‘asabiyyah*; teori pilihan Glasser; perpaduan; Islam; barat

**Abstract:** The discussion on the theory and model of sense of belonging, also referred to as *semangat kekitaan*, has been extensively debated across various disciplines, encompassing both Islamic and Western perspectives. This is to ensure that the objectives of well-being and social harmony can be achieved for every generation, particularly in nations with multi-ethnic societies. Therefore, this paper aims to explore the similarities and differences in the theories and models of sense of belonging from Islamic and Western perspectives, as well as to examine the extent to which these theories and models can strengthen unity in Malaysia. This discussion is conducted through a content analysis methodology based on scholarly sources, including journal articles, conference proceedings, and academic books on Ibn Khaldun's Theory of Asabiyah, Glasser's Choice Theory, and Allen et al.'s (2021) Sense of Belonging Framework. The findings indicate that all three theories and models share similarities, particularly in their emphasis on social relationships as a core component. However, their differences lie in the mechanisms through which the sense

of belonging is cultivated. Furthermore, these three theories and models provide a comprehensive foundation for unity, particularly in addressing issues related to social interactions, individual behavioral motivations, and mechanisms to strengthen belongingness at both interpersonal and intrapersonal levels. The implication is that, despite differences in historical context and perspectives, these theories and models remain relevant in strengthening interethnic unity within a nation.

**Kata kunci:** Sense of belonging; ‘asabiyyah; Glasser’s choice theory; unity; Islamic; western

## Pengenalan

Perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia berkait rapat dengan semangat kekitaan atau *sense of belonging*, yang berperanan membentuk hubungan sosial positif dan kestabilan masyarakat (Gül et al., 2024; Putnam, 2000; Allen et al., 2021). Hubungan sosial yang kukuh, sama ada sesama etnik atau antara etnik, menyumbang kepada pembinaan *bridging social capital* yang memperkuat semangat kekitaan (Claridge, 2018). Keperluan ini bersifat asas dalam kehidupan manusia (Allen, 2020), malah diiktiraf sebagai motivasi paling asas dalam psikologi (Baumeister & Leary, 1995), walaupun hanya diletakkan pada tahap ketiga dalam hierarki Maslow (1954).

Walaupun sejarah perpaduan negara pernah terjejas seperti insiden 13 Mei 1969, pemulihian hubungan kaum membuktikan semangat kekitaan bersifat dinamik dan boleh dipulihkan. Namun, ancaman seperti krisis ekonomi, isu integriti, sentimen kaum dan pandemik Covid-19 (Mohd Noor & Ishak, 2019; Holmes et al., 2020) terus menguji kekuatannya. Kajian lepas dilihat masih terbatas dari sudut perbandingan teori Islam dan Barat dalam menjelaskan konsep semangat kekitaan secara menyeluruh.

Kebanyakan penyelidikan memberi fokus kepada teori Ibnu Khaldun seperti ‘asabiyyah (Abdullah, 2022; Abdullah & Mohd Talib, 2023), namun penggunaannya lebih tertumpu dalam konteks sejarah dan politik. Ini dipengaruhi oleh dominasi *eurocentrisme* dalam ilmu sosial moden (Syed Farid Alatas & Vineeta Sinha, 2017). Sebaliknya, semangat kekitaan juga boleh ditelusuri melalui perspektif Barat seperti Teori Pilihan William Glasser (TPWG) dan Kerangka *Sense of Belonging* (KSOB) oleh Allen et al. (2021), yang banyak diaplikasikan dalam bidang psikologi dan pendidikan (Fajariyah, 2021; Masena, 2022; Allen, 2021–2023).

Beberapa teori lain turut diangkat, seperti Teori Rantaian Ritual Interaksi oleh Collins (2004) (Ma et al., 2024) yang melihat peranan interaksi sosial dalam pembentukan identiti nasional, namun sifat eksklusifnya menimbulkan isu keterlibatan komuniti luar bandar. Integrasi antara teori Barat dan Islam juga masih terbatas dan kurang diterokai dalam konteks perpaduan (Yazid et al., 2024), manakala Teori Fungsionalisme Durkheim pula dikritik kerana mengabaikan konflik sosial (Widowaty & Sherly, 2025). Justeru, makalah ini bertujuan menganalisis potensi integrasi tiga teori — TSKIK, TPWG, dan KSOS — bagi membina model perpaduan yang lebih holistik, kontekstual dan seimbang dari perspektif Islam dan Barat untuk aplikasi dalam masyarakat majmuk Malaysia.

## Metodologi

Kajian ini adalah bersifat kualitatif dengan mengaplikasikan pengumpulan data secara analisis kandungan bagi menganalisis data yang diperoleh daripada bahan rujukan ilmiah seperti artikel jurnal yang berkaitan. Artikel yang dipilih adalah disaring mengikut tahun penerbitan iaitu hanya artikel yang diterbitkan pada tahun 2021–2025 sahaja layak untuk dianalisis dalam kajian ini. Pencarian artikel juga hanya memfokuskan kepada dua pangkalan data yang utama iaitu Google Scholar dan Scopus. Manakala, untuk sumber rujukan buku ilmiah, tiada limitasi tempoh memandangkan teori yang digunakan turut berpandukan kepada sumber asal terutama teori daripada sarjana Islam. Seterusnya, artikel tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menggunakan konsep perbandingan teori bagi melihat perkaitan yang wujud di antara perkara yang dikaji. Data yang diperoleh turut dianalisis secara teliti bagi memastikan hasil dapatkan adalah bersifat relevan dan memberikan impak yang signifikan kepada bidang kajian yang dikaji. Walaupun terdapat teori-teori lain yang turut membincangkan semangat kekitaan, namun kajian ini memilih tiga teori dan model

Teori Semangat Kekitaan ('asabiyyah) Ibnu Khaldun, Teori Pilihan Glasser dan Kerangka *Sense of Belonging* (Allen et. al, 2021) memandangkan tiga teori dan model ini membincangkan lebih terperinci dari aspek semangat kekitaan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada analisis teori yang paling relevan dalam konteks semangat kekitaan iaitu teori semangat kekitaan (*asabiyyah*) Ibnu Khaldun (TSKIK), teori pilihan William Glasser (TPWG) dan kerangka semangat kekitaan (*sense of belonging*) oleh Allen et al (2021) tanpa merujuk kepada teori lain. Teori dan model di atas dipilih berdasarkan prinsip utama yang mendasari setiap teori iaitu menekankan aspek hubungan sosial yang membawa kepada pemupukan semangat kekitaan.

## Hasil Kajian

Dapatan kajian membincangkan berkenaan teori dan model semangat kekitaan yang dikenal pasti mampu memantapkan hubungan perpaduan kaum di Malaysia. Teori tersebut merangkumi Teori Semangat Kekitaan ('asabiyyah) Ibnu Khaldun, Teori Pilihan William Glasser dan Kerangka *Sense of Belonging* oleh Allen et al. (2021). Pengkaji menghuraikan secara terperinci berkenaan teori dan kerangka tersebut dengan membuat penelitian terhadap inti pati dan elemen yang memperkuuh perpaduan kaum di Malaysia.

### 1. Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun

Pengkaji telah menggunakan istilah 'semangat kekitaan' sebagai refleksi kepada istilah '*asabiyyah* Ibnu Khaldun yang digunakan dalam karya Mukadimah beliau. Istilah ini selari dengan terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka terhadap karya beliau yang telah dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu. Justeru, istilah semangat kekitaan yang digunakan oleh pengkaji merujuk kepada istilah '*asabiyyah* dalam perbincangan Ibnu Khaldun.

Ibnu Khaldun mengaitkan semangat kekitaan sebagai teras penentu kepada perkembangan dan kejatuhan sesebuah tamadun (Alatas, 2006) yang mana semangat kekitaan ini dipandu oleh ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, norma budaya dan sesama ahli. Ketaatan dan kesetiaan ini diasaskan oleh perasaan saling sayang-menayangi sesama ahli yang mendorong kepada sikap saling bantu-membantu, bekerja sama, hormat-menghormati, mengambil berat dan tidak mahu kesusahan menimpa sesama mereka. Semangat kekitaan juga membawa ahli-ahlinya untuk saling berkongsi kesenangan dan kepayahan antara satu sama lain. Justeru, ini menimbulkan keberanian sehingga sanggup berjuang dan berkorban demi ahli dan tanah air mereka. Sekiranya terdapat ahli yang ditindas, maka mereka tidak berdiam diri sebaliknya akan memperjuangkan bersama-sama hak mereka (DBP, 2009). Semangat kekitaan ini adalah suatu yang semula jadi (Alatas, 2014; Dion, 2007) dan ia memainkan peranan apabila terdapat ahli yang tidak diadili sebaiknya, disakiti atau dibunuhi (Dion, 2007).

Kajian Siti Nor Azhani Mohd Tohar (2016) mengajukan bahawa ciri-ciri semangat kekitaan yang dibicarakan oleh Ibnu Khaldun terbahagi kepada empat ciri dominan, iaitu:

- i. Sayang-menayangi: Kekuatan semangat kekitaan menimbulkan perasaan kasih dan sayang sesama ahli masyarakatnya. Perasaan ini akan mendorong kepada sikap bersatu hati, mengambil berat, bantu-membantu dan hormat-menghormati sesama ahli kerana tidak mahu kesusahan menimpa antara mereka.
- ii. Kesetiaan-Sikap taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, norma budaya, anggota kumpulan dan negara merupakan kekuatan kepada semangat kekitaan. Kekuatan ini terbentuk kukuh apabila pemimpin memiliki semangat kekitaan yang lebih kuat daripada semangat kekitaan ahli masyarakatnya yang lain. Sifat ini dapat terjelma dalam bentuk tingkah laku sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan pemimpin, ahli masyarakat dan tanah air.
- iii. Keberanian: Bangsa yang berani ialah bangsa yang mampu memiliki kekuasaan. Justeru, keberanian untuk sanggup berjuang dan berkorban demi bangsa dan negara merupakan lambang kekuatan semangat kekitaan. Selain itu, keberanian juga boleh tergambar apabila sesuatu bangsa itu berani untuk tampil ke hadapan bagi mengajukan tuntutan apabila berlaku penindasan ke atas bangsanya oleh pemimpin atau golongan yang menerajui mereka terutamanya daripada aspek ekonomi seperti

mengenakan kadar cukai yang tinggi. Maka, kekuatan semangat kekitaan akan mendorong mereka untuk berani mengajukan tuntutan agar tidak terus ditindas.

- iv. Kepatuhan: Semangat kekitaan akan mempersiapkan diri individu untuk tunduk dan patuh kepada pemimpin yang berkongsi semangat kekitaan yang kuat, patuh kepada undang-undang serta norma-norma masyarakat. Sifat ini mendorong tingkah laku menurut perintah pemimpin dan patuh kepada undang-undang serta menjaga perlakuan agar tidak kelihatan songsang dengan norma-norma budaya masyarakatnya. Namun, kepatuhan yang membabi buta menyebabkan mereka tidak berani untuk mempertahankan masyarakat dan tanah air dan ini merupakan tanda-tanda semangat kekitaan yang lemah.

Justeru, kekuatan semangat kekitaan merupakan faktor utama dalam memperkuuhkan tamadun sama ada semangat kekitaan ini dimiliki oleh ahli-ahli masyarakat dan juga yang paling utama, ia perlu turut dimiliki oleh pemimpin. Semangat kekitaan terdiri daripada ciri-ciri positif, iaitu saling sayang-menayangi, bantu-membantu, hormat-menghormati sehingga berani untuk berjuang demi masyarakat dan negara serta berani untuk mengajukan tuntutan untuk kesenangan bersama. Matlamat, pengalaman, norma dan budaya yang dikongsi bersama menjadikan semangat kekitaan lebih utuh dan stabil. Namun, perlu disedari bahawa agama turut memainkan peranan dalam memberikan semangat kekitaan di sisi yang positif kerana agama dapat meredakan pertentangan dan perasaan iri hati dalam ahli masyarakat.

## 2. Teori Pilihan William Glasser (1999) (*Choice Theory* by William Glasser)

William Glasser merupakan seorang pakar psikiatri yang lahir pada 11 Mei 1925 di Cleveland, Ohio, Amerika Syarikat. Beliau terkenal dengan sumbangannya dalam mengembangkan Teori Realiti dan Teori Pilihan. Walaupun kedua-dua teori tersebut dilihat mempunyai perkaitan dari segi membantu manusia mencapai matlamat hidup yang dikehendaki dengan memberi penekanan kepada aspek dalaman, namun Teori Pilihan secara khusus berperanan memberi gambaran tentang sebab tingkah laku individu berdasarkan keperluan psikologi mereka. Manakala, Teori Realiti yang dikembangkan daripada Teori Pilihan, membincangkan tentang pendekatan terapeutik yang digunakan dalam sesi kaunseling bagi membantu pesakit menyelesaikan masalah mereka dengan memberi fokus kepada tindakan pada masa kini tanpa memberi penekanan kepada peristiwa lepas.

Teori Pilihan, yang memfokuskan kepada kawalan psikologi dalaman yang merangkumi-keputusan individu untuk memberi perhatian, mendengar, menyokong, menggalakkkan, menyayangi, berteman/berkawan, mempercayai, menerima, dan menghargai nilai diri dan orang lain adalah berlawanan dengan aspek kawalan psikologi luaran. Aspek kawalan psikologi luaran pula adalah terdiri daripada perilaku individu yang memilih untuk mengawal, memaksa, menekan, menghukum, memberi ganjaran, mengarahkan, menggunakan helah, mengkritik, menyalahkan, mengadu/mengeluh, mendesak, mengasak, menilai, memberi ranking dan menarik diri dari sebuah perhubungan atau situasi. Kedua-dua kawalan psikologi dalaman dan luaran ini memberikan gambaran yang terperinci berkenaan pilihan yang dibuat oleh individu sama ada ianya menyumbang kepada perilaku produktif atau tidak dengan memberi perhatian terhadap Sepuluh Aksiom Utama yang menjadi asas kepada Teori Pilihan.

William Glasser (1999), dalam Sepuluh Aksiom Utama menerangkan bahawa; 1) manusia hanya berupaya mengawal tingkah laku mereka sendiri dan bukan orang lain; 2) manusia juga hanya memberikan maklumat kepada individu lain melalui interaksi mereka dan individu tersebutlah yang menentukan bagaimana untuk bertindak balas; 3) masalah psikologi yang berpanjangan adalah berpunca daripada masalah hubungan yang tidak sejahtera; 4) kesihatan mental individu dibentuk oleh hubungan harmoni yang dibina bersama orang lain; 5) memikirkan peristiwa lalu tidak memberikan kesan positif kepada hubungan masa kini dan masa depan; 6) manusia adalah didorong untuk memenuhi lima keperluan asas mereka iaitu kelangsungan hidup, cinta dan rasa ingin dimiliki, kuasa, kebebasan dan keseronokan; 7) keperluan manusia dipenuhi mengikut gambaran kualiti yang ada dalam dunia kualiti mereka; 8) tingkah laku manusia adalah merujuk kepada kesemua tingkah laku yang merangkumi empat elemen iaitu *acting* (bertindak), *thinking* (berfikir), *feeling* (merasakan) dan *physiology* (fisiologi); 9) kesemua tingkah laku adalah dibina dengan menggunakan

kata kerja yang menunjukkan bahawa ianya adalah proses aktif seperti '*I am choosing to depress*' or '*I am depressing*'; dan 10) kesemua tingkah laku adalah pilihan yang mana kita boleh mengawalnya namun terhad kepada tindakan dan pemikiran sahaja, sebaliknya bagi perasaan dan fisiologi adalah ditentukan secara tidak langsung oleh bagaimana kita memilih untuk bertindak dan berfikir.

Secara kesimpulannya, individu yang memberi penekanan terhadap kawalan psikologi dalam dengan mengambil kira Sepuluh Aksiom Utama yang diperincikan oleh William Glasser (1999) di atas cenderung untuk mencapai matlamat lima keperluan asas hidup seperti mana yang disebutkan sebelum ini. Ini kerana, individu tersebut sedar dan jelas tentang pilihan yang dibuat oleh mereka akan memberikan kesan secara langsung kepada situasi sekeliling seterusnya menjadi penentu kepada keberhasilan mereka dalam mencapai matlamat keperluan asas hidup. Keperluan asas hidup yang dimaksudkan turut merangkumi rasa ingin dippunyai dan disayangi iaitu *sense of belonging* oleh individu kepada individu lain yang mana kegagalan dalam mencapainya akan memberikan impak negatif bukan sahaja melibatkan aspek fizikal bahkan mental dan emosi individu.

### 3. Kerangka *Sense of Belonging* (Allen et al, 2021)

Allen et al (2021), dalam makalahnya telah merumuskan satu kerangka *sense of belonging* yang mana terdiri daripada empat komponen utama yang saling menyokong antara satu sama lain. Elemen-elemen tersebut termasuklah *competencies* (kecekapan), *opportunities* (peluang), *motivations* (dorongan) dan *perceptions* (tanggapan) yang diintegrasikan antara satu sama lain membentuk sebuah kerangka *sense of belonging* yang bersifat dinamik. Elemen *competencies* atau kecekapan yang bermaksud mempunyai kemahiran dan kebolehan tertentu dalam membolehkan mereka mengalami pengalaman rasa kekitaan dan berupaya untuk berhubung. Antara inti pati kemahiran yang dimaksudkan adalah merujuk kepada kemahiran yang membolehkan seseorang individu untuk berhubung dengan orang lain, mengenal pasti latar belakang budaya, membentuk identiti diri serta mempunyai perhubungan dengan tempat dan negara. Kemahiran ini juga dapat dikategorikan kepada dua bentuk kemahiran iaitu kemahiran sosial (*social skills*) dan kemahiran budaya (*cultural skills*). Kemahiran sosial membawa maksud seseorang individu itu prihatin terhadap dirinya dan orang lain serta mampu mengawal tingkah laku dan emosi, berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan, menghargai serta selari dengan norma sosial dan mendengar secara aktif. Manakala bagi kemahiran budaya pula merujuk kepada kefahaman tentang warisan sejarah seseorang, pengiktirafan dengan penuh kesedaran terhadap tempat, dan sejajar dengan nilai-nilai yang relevan. Kesimpulannya, kemahiran sosial, emosi dan budaya adalah saling melengkapi dan menyokong antara satu sama lain dan memberi kesan secara langsung kepada semangat kekitaan individu.

Mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu untuk membolehkan seseorang membentuk hubungan sosial dengan individu lain masih belum memadai untuk mewujudkan semangat kekitaan kerana elemen peluang seperti kumpulan, individu, tempat, masa dan ruang juga perlu dititik beratkan. Ini kerana, kemahiran yang baik meliputi sosial, emosi dan budaya seseorang individu tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya seandainya wujud halangan-halangan tertentu seperti faktor demografi dan latar belakang sosio-budaya individu yang mempengaruhi perkembangan semangat kekitaan terutama komuniti luar bandar yang mengalami capaian terhad kepada kemajuan teknologi serta turut memberi kesan kepada pelarian-pelarian yang menetap di negara asing dan masyarakat orang asli yang sering dikaitkan dengan isu rasis dan asimilasi terutama ketika pandemik Covid-19 melanda dunia. Selain itu juga, jaringan hubungan sosial yang menatihahkan pembentukan modal sosial menjadi peluang bagi individu untuk membolehkan mereka membina semangat kekitaan. Modal sosial pula terbahagi kepada dua kategori iaitu *bridging social capital* (modal sosial penghubung) dan *bonding social capital* (modal sosial pengikat) yang mana bermaksud kekitaan inklusif dan kekitaan eksklusif. Kekitaan inklusif bermaksud ahli kumpulan yang membentuk modal sosial dengan berkongsi sumber-sumber yang sama serta ianya membuka lebih peluang untuk setiap individu berkongsi rasa kekitaan tanpa mengira latar belakang kaum, kelas, agama dan sosio-budaya. Situasi ini wujud apabila setiap individu mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan individu lain tanpa ada batasan seperti bertemu di konsert awam dan acara sukan. Sebaliknya, kekitaan inklusif merujuk kepada hubungan yang terbentuk di antara ahli kumpulan yang berkongsi ciri-ciri dan latar belakang yang sama seperti dalam

kalangan ahli keluarga. Setelah diamati, semangat kekitaan inklusif atau bridging social capital adalah sesuai diamalkan bagi setiap individu bagi membolehkan pengalaman rasa kekitaan itu dihayati dengan lebih meluas tanpa mengira latar belakang individu.

Seterusnya, *sense of belonging* juga dipengaruhi oleh elemen motivation (dorongan) iaitu merangkumi keperluan atau keinginan seseorang individu untuk berhubung dengan orang lain. Dorongan yang dimaksudkan di sini adalah rasa kekitaan yang merupakan keperluan asas manusia untuk mempunyai pengalaman hubungan dua hala dengan individu lain (Leary & Kelly, 2009). Dalam erti kata lain, individu yang bermotivasi untuk menikmati rasa dipunyai adalah mereka yang telah mengalami pengalaman yang positif dalam perhubungan yang lalu (Baumeister & Leary, 1995) serta cenderung untuk memupuk dan memberi fokus kepada elemen persamaan melebihi perbezaan dalam perhubungan. Rasa dipunyai ini tidak terhad kepada perasaan individu kepada individu lain sahaja, bahkan ianya bersifat universal serta meliputi pelbagai aspek termasuklah dorongan untuk rasa dipunyai terhadap tempat, budaya, dan identiti etnik. Sebaliknya, individu yang kurang dorongan terhadap rasa kekitaan ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor lain termasuklah keperluan asas lain yang tidak dipenuhi serta pengalaman negatif yang melibatkan perhubungan. Walau bagaimanapun, faktor-faktor tersebut tidak menghalang seseorang individu untuk mengembangkan dorongan dan keperluan mereka terhadap rasa kekitaan walaupun dalam situasi yang paling mencabar (Baumeister & Leary, 1995).

Tanggapan atau *perception* menjadi antara faktor yang penting dalam menentukan tingkah laku individu. Oleh itu, ia menjadi elemen keempat yang menyumbang kepada semangat kekitaan yang mana merujuk kepada perasaan subjektif dan pemikiran seseorang individu berdasarkan pengalaman mereka. Secara umumnya, setiap manusia akan mempersoalkan sama ada mereka sesuai untuk berada dalam kumpulan tertentu atau tidak. Oleh itu, mereka cenderung untuk menganalisis semula pengalaman lampau yang melibatkan perhubungan yang mana akan memberi kesan kepada tahap keyakinan dan keinginan seseorang untuk membina semangat kekitaan. Bahkan, jika pengalaman mereka membentuk persepsi yang tidak memberangsangkan, mereka cenderung untuk melibatkan diri dengan kumpulan yang asing, pulang ke tempat asal atau migrasi ke tempat yang membolehkan mereka membina hubungan dengan pengalaman yang baru. Secara tidak langsung, tanggapan seseorang terhadap pengalaman yang dialami oleh mereka telah menjadi penentu kepada keinginan seseorang untuk membina semangat kekitaan.

## Perbincangan

Berdasarkanuraian di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat aspek persamaan dan perbezaan bagi ketiga-tiga teori dan model tersebut. Kedua-dua aspek tersebut diuraikan secara terperinci dalam perbandingan di antara teori dan model yang telah dikenal pasti oleh pengkaji seperti di bawah.

### 1. Persamaan

Dalam usaha untuk menghayati kedinamikan perpaduan dalam konteks masyarakat yang pelbagai di Malaysia, perbandingan antara TSKIK, TPWG dan KSOP dapat memberikan sudut pandang yang lebih holistik. Ketiga-tiga teori dan model ini tidak bercanggah dari segi matlamat dan prinsip utama iaitu dalam membincangkan kepentingan hubungan sosial dan SK dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat, namun masing-masing memfokuskan kepada pengkhukusan tersendiri iaitu merangkumi faktor pendorong, kaedah operasi, dan implementasi dalam konteks perpaduan di Malaysia.

Melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga teori dan model yang dipilih dalam kajian ini mempunyai beberapa persamaan iaitu contohnya dari segi prinsip utamanya iaitu penekanan terhadap interaksi sosial dalam memperkuuh perpaduan. Bahkan, istilah *asabiyyah* menurut Ibnu Khaldun dalam perspektif Islam disifatkan sebagai hubungan '*persaudaraan*' yang berupaya membentuk perpaduan sosial (Bahri & Musa, 2022). Ia juga tidak terhad kepada persaudaraan yang berlandaskan hubungan ikatan darah semata, namun lebih bersifat meluas sehingga meliputi hubungan individu yang berkongsi matlamat yang sama. (Rodli et al., 2021; Pramono et al., 2023). Justeru itu, ia bertepatan dengan prinsip utama yang diutarakan oleh Allen dalam modelnya tentang perasaan kepunyaan dan keterlibatan sosial (Crawford et al., 2024) individu dalam meningkatkan hubungan interpersonal. Tambahan pula, Glasser

melalui teori pilihannya berpendapat yang sama iaitu turut memfokuskan kepada motivasi individu dalam membina hubungan sosial bagi memenuhi keperluan asas manusia (Glasser, 1975a, 1992b, 1999c; Walter et al., 2008). Justeru itu, berdasarkanuraian inti pati utama yang mendasari setiap teori dan model di atas, jelas memberikan gambaran tentang kerelevan pengaplikasiannya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Ini kerana, penghayatan terhadap pengaruh faktor psikososial dapat meningkatkan kefahaman individu terhadap dinamika perpaduan yang sedia ada di Malaysia. Istilah psikososial yang merujuk kepada gabungan antara faktor psikologi yang merangkumi aspek pemikiran, emosi dan keperluan individu yang dipercayai berupaya membentuk karakter dan tingkah laku seseorang apabila digandingkan bersama-sama dengan faktor sosial yang terdiri daripada aspek sosial, budaya dan norma masyarakat.

Selain itu, ketiga-tiga teori dan model di atas turut menghuraikan bagaimana perkaitan di antara hubungan sosial individu dengan kestabilan masyarakat terutama melibatkan situasi masyarakat yang pelbagai di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui TSKIK yang menjelaskan tentang kepentingan aspek SK yang disifatkan mampu menjadi penentu kepada jatuh dan bangun sesebuah tamadun (Khaldun, 1978) melalui aspek keharmonian yang dikecap dalam sesebuah masyarakat. Ia disokong oleh KSOB yang menjelaskan kepentingan elemen kecekapan, peluang, dorongan dan tanggapan sebagai mekanisme pemupukan SK dalam mengurangkan berlakunya konflik antara kaum. Ini kerana, sebagai contohnya jika seseorang tidak mempunyai kecekapan dan kurang mahir dalam menggunakan bahasa kebangsaan terutama bagi bangsa selain Melayu yang diketahui umum tahap penguasaan BK yang agak lemah (Zamri Mahamod et al., 2020), maka komunikasi yang diharapkan cenderung tidak dapat berlaku dengan baik serta menyumbang kepada salah faham antara satu sama lain. Justeru itu, melalui pendekatan TPWG diharap dapat memandu individu ke arah pembentukan karakter yang sesuai dengan norma masyarakat dengan memfokuskan elemen kasih sayang yang berupaya menjadi ejen penyatu dalam masyarakat.

Selain itu, perbincangan juga dilanjutkan dengan meneliti aspek SK yang menjadi elemen penting bagi ketiga-tiga teori dan model di atas dalam mencapai matlamat utama iaitu perpaduan. SK dari sudut pandang TSKIK dinilai berdasarkan kasih sayang, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan (Tohar, 2017). Bahkan, Ibnu Khaldun telah menegaskan bahawa tamadun tidak akan berkembang tanpa ada kerjasama melalui semangat kekitaan, lebih banyak manusia saling bekerjasama antara satu sama lain; lebih berkembang tamadun tersebut (Dion, 2007). Tambahan pula, Glasser melalui TPWG menyifatkan individu yang bertanggungjawab memilih tindakan positif dalam memenuhi keperluan asas hidup secara tidak langsung telah menjadikan elemen SK sebagai natijah kepada pembentukan masyarakat yang lebih sejahtera. Walau bagaimanapun, pemerhatian ke atas ketiga-tiga teori dan model di atas menunjukkan terdapat sisi yang berbeza dari segi pengkhukusannya dan pelaksanaannya yang mana menjadikan ketiga-tiga teori dan model tersebut saling memperkuat antara satu sama lain membentuk sebuah integrasi yang kukuh.

## 2. Perbezaan

Walau bagaimanapun, cara ketiga-tiga teori ini melihat mekanisme pembentukan semangat kekitaan adalah sangat berbeza. Ibnu Khaldun (1377) melihat *asabiyyah* sebagai komponen warisan sosial dan budaya yang terbentuk melalui ikatan darah dan kesetiaan kepada kumpulan etnik atau suku kaum (Al-Azmeh, 1991). Konsep ini boleh dilihat di Malaysia dalam usaha untuk membina identiti kebangsaan melalui dasar pendidikan negara dan program integrasi kaum (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Sebaliknya, Glasser (1998) menganggap semangat kekitaan sebagai keputusan peribadi, di mana seseorang boleh memilih untuk membina hubungan yang berfaedah berdasarkan keperluan psikologi mereka sendiri. Metodologi ini lebih sesuai untuk memahami bagaimana orang Malaysia dari pelbagai etnik mewujudkan hubungan silang budaya dalam kehidupan seharian mereka. Ibnu Khaldun (1377) menyatakan bahawa untuk mencapai perpaduan nasional yang kukuh, kepimpinan yang teguh diperlukan untuk mengekalkan *asabiyyah* dan dasar yang meningkatkan identiti kolektif (Rosenthal, 1958). Selain itu, Glasser (1998) mencadangkan bahawa sistem sosial dan pendidikan harus membenarkan individu memilih dan membina hubungan yang sihat tanpa paksaan atau diskriminasi (Glasser, 1998). Untuk memastikan setiap orang berasa dihargai dan diterima dalam masyarakat, institusi sosial seperti institusi pendidikan dan tempat kerja mesti menyediakan peluang interaksi yang meningkatkan keterangkuman sosial (Allen et al., 2021).

Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan pada teori dan model di atas dari segi pendekatan dan mekanisme, namun masing-masing tetap bersepakat bahawa hubungan sosial membentuk perpaduan masyarakat. KSOB, yang lebih bersifat terkini dan moden menekankan bagaimana persekitaran sosial mampu menyumbang kepada elemen SK, manakala TPWG yang melihat aspek kepunyaan dan kasih sayang merupakan keperluan asas manusia yang perlu dipenuhi demi menjamin kesejahteraan hidup. Tambahan pula, ia disokong oleh TSKIK yang menyifatkan SK yang terbentuk adalah komponen utama dalam memastikan kestabilan sesebuah negara.

### 3. Penelitian terhadap Teori dan Model Semangat Kekitaan dalam Memperkuuh Perpaduan di Malaysia

Semangat kekitaan atau juga disebut sebagai kesatuan (*unity*), perpaduan sosial dan integrasi sosial sebenarnya digunakan dengan meluas melangkaui terma yang sedia ada kerana ia melibatkan lebih daripada satu entiti bahkan melibatkan kelompok masyarakat secara umum. Justeru itu, konsep semangat kekitaan dalam kerangka masyarakat multietnik di Malaysia berperanan sebagai elemen untuk menyatukan pelbagai etnik di bawah payung ‘kebangsaan’ atau ‘kesaduan sosial’.

Ibnu Khaldun, dalam menerangkan teori semangat kekitaan atau ‘*asabiyyah*’, menjelaskan bahawa ia berperanan penting dalam menentukan jatuhan bangun sesebuah tamadun atau secara literalnya menjurus kepada perpaduan masyarakat. Ini kerana, aspek-aspek semangat kekitaan seperti kasih-sayang, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan merupakan tonggak kepada penyatupaduan rakyat dalam sesebuah negara. Masyarakat yang kurang mempraktikkan elemen kasih-sayang dalam kehidupan mereka akan cenderung untuk hidup saling mengendahkan antara satu sama lain, kurang menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan serta tidak peduli tentang keadaan orang sekeliling. Selain itu, masyarakat yang tidak bersatu hati dengan ikatan kasih sayang juga sukar untuk membentuk kesetiaan kepada pemimpin, norma budaya, anggota kumpulan bahkan negara mereka sendiri. Hal ini akhirnya akan mencetuskan pelbagai situasi negatif yang melibatkan keselamatan dan keamanan negara yang mana berpuncanya dari kurangnya perpaduan di antara rakyat.

Tambahan pula, perpaduan hanya dapat dicapai andai masyarakat Malaysia bersikap berani dalam mempertahankan negara dan bangsa dari ancaman musuh. Ini kerana, semangat kekitaan yang tinggi mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu terutama dalam menzahirkan tuntutan mereka kepada pemimpin dalam menghadapi penindasan dan ketidakadilan sama ada dalam aspek sosial, politik atau ekonomi. Selain itu juga, Ibnu Khaldun turut menjelaskan tentang kepentingan elemen kepatuhan sebagai salah satu aspek semangat kekitaan yang penting kerana kepatuhan rakyat kepada pemimpin adalah simbol perpaduan rakyat yang utuh bagi sesebuah negara. Demikian juga, rakyat yang mempunyai semangat kekitaan yang tinggi justeru mampu menghindari diri mereka dari menzahirkan kepatuhan secara membabi buta kepada pemimpin yang tidak mempunyai semangat kekitaan serta tidak menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang adil.

Daripada sudut dasar pula, teori semangat kekitaan yang dibawa oleh Ibnu Khaldun dinilai berdasarkan nilai kebersamaan yang dilihat berupaya menyumbang kepada pembentukan identiti kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia. Tambahan pula, ia turut dinyatakan dalam Aspirasi Rangka Tindakan (*blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 bahawa semangat kekitaan, prihatin, saling menghormati dan bertanggungjawab merupakan elemen kepada pembentukan identiti nasional. Bahkan, elemen kesetiaan dan kepatuhan kepada pemimpin yang mengamalkan semangat kekitaan oleh Ibnu Khaldun adalah selari dengan prinsip rukun negara yang mana merupakan sumber utama kepada pelaksanaan dasar perpaduan negara. Justeru itu, kerelevan pengaplikasian teori semangat kekitaan dalam memperkuuh perpaduan dilihat bertepatan dengan misi dan dasar perpaduan negara.

Walau bagaimanapun, kesemua inti pati teori di atas tidak dapat dicapai andai rakyat dalam sesebuah negara tidak memilih untuk bertingkah laku dengan tingkah laku yang produktif seperti yang diterangkan dalam Teori Pilihan William Glasser menerusi Sepuluh Aksiom Utama. Sebaliknya, individu yang bertingkah laku produktif dalam usaha memenuhi lima keperluan asas kehidupan iaitu kelangsungan hidup, cinta dan rasa dimiliki, kuasa, kebebasan, dan keseronokan dapat menjamin perpaduan sesama etnik dengan terjalannya hubungan positif dan harmoni sesama mereka. Hal ini disebabkan oleh manusia sentiasa berhubung antara satu sama lain sama ada mereka sedar atau tidak. Mereka akan sentiasa bertemu antara satu sama lain tidak

kira ketika menunggu bas di stesen bas, menaiki kereta api ke tempat kerja, bahkan ketika memesan makanan di restoran. Justeru itu, jika seseorang individu memberi penekanan terhadap faktor kawalan dalam berbanding luaran, mereka akan cenderung untuk berkelakuan dengan perilaku yang sesuai dengan nilai dan norma budaya sesebuah tempat. Hal ini akhirnya akan mengurangkan terjadinya konflik dan pergaduhan yang tercetus disebabkan salah faham dan ketidakpuasan hati dalam memenuhi keperluan atas hidup. Oleh itu, perpaduan negara dapat dicapai seandainya masyarakat hidup saling muhasabah terhadap pemilihan tingkah laku yang ingin mereka zahirkan dan memberi penekanan terhadap kawalan dalam walaupun dalam keadaan sulit sekalipun.

Dalam konteks masyarakat Malaysia, keprihatinan individu terhadap kawalan psikologi dalam menggambarkan sikap tanggungjawab yang harus ditanam dalam diri setiap rakyat Malaysia bagi membentuk identiti kebangsaan sesuai dengan dasar perpaduan negara. Bahkan, ia dikaitkan juga dengan penghayatan terhadap prinsip rukun negara yang mementingkan elemen keluhuran dan kesusilaan yang mana secara tidak langsung memfokuskan kepada pembentukan karakter individu yang sesuai dengan norma dan budaya Malaysia.

Perpaduan negara juga boleh diukur dengan memberi penekanan terhadap empat elemen utama semangat kekitaan yang diutarakan oleh Allen et al, (2021) iaitu merangkumi *competencies* (kecekapan), *opportunities* (peluang), *motivations* (dorongan) dan *perceptions* (tanggapan). Seseorang individu yang mempunyai kecekapan sosial dan budaya mampu bergaul secara baik dengan ahli masyarakat kerana kemahirannya dalam mengawal tingkah laku serta emosi dan mempunyai kefahaman yang jelas tentang warisan, sejarah dan identiti budaya mereka. Hal ini menjadikan mereka dapat hidup dalam suasana saling memahami di antara satu sama lain serta memanfaatkan kemahiran yang ada demi keharmonian sejagat. Selain itu, perpaduan juga dapat dicapai dengan wujudnya peluang yang pelbagai sama ada dari segi tempat, masa, ruang, kumpulan masyarakat dan individu yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menjadi platform kepada berlakunya integrasi kaum. Sebagai contoh, integrasi kaum dan perpaduan dapat dipertingkatkan andai pihak sekolah mengambil inisiatif menyusun kedudukan murid di dalam kelas secara lebih dinamik dan mesra integrasi. Hal ini turut merangkumi kedudukan guru di dalam bilik guru yang mana umum mengetahui bahawa isu etnosentrisme tidak hanya melibatkan pelajar bahkan turut melibatkan guru sekolah terutama di sekolah menengah kebangsaan.

Setiap manusia sentiasa didorong oleh sesuatu dalam membuat sesuatu perkara termasuklah dalam membentuk semangat kekitaan. Oleh itu, jika seseorang individu mengetahui tentang kepentingan semangat kekitaan sebagai keperluan atas manusia, maka mereka lebih cenderung untuk memenuhinya walau dengan cara apa sekalipun. Dorongan ini juga meliputi keinginan seseorang untuk membina hubungan dua hala dengan individu atau kelompok lain bahkan lebih meluas merangkumi hubungan dengan tempat, budaya dan identiti etnik. Walau bagaimanapun, keinginan mereka untuk memenuhi rasa kekitaan ini turut dipengaruhi oleh faktor pengalaman positif dengan hubungan terdahulu dan keinginan mereka untuk memberi fokus kepada elemen persamaan melebihi perbezaan. Justeru itu, dalam konteks negara Malaysia yang multietnik, aspek ini amat penting untuk dititikberatkan terutama dalam memberi penekanan terhadap persamaan yang ada dan tidak memandang kepada aspek perbezaan yang mana akan mencetuskan konflik dan pergaduhan kaum. Hal ini akhirnya akan menjelaskan perpaduan yang telah sekian lama dibina dan meninggalkan pengalaman buruk kepada individu yang terlibat khususnya.

Perpaduan juga boleh dinilai dari aspek tanggapan yang menjadi salah satu elemen penting dalam kerangka *sense of belonging* oleh Allen et al (2021). Tanggapan individu terhadap pengalaman yang telah mereka tempuh akan menentukan jenis tingkah laku yang dipilih sama ada menjurus kepada perpaduan negara atau tidak. Jika mereka beranggapan bahawa mereka sesuai dan layak berada di sesuatu negara, maka mereka akan kekal dan bertingkah laku sesuai dengan norma yang sedia ada. Namun, jika mereka beranggapan sebaliknya, mereka justeru cenderung untuk pulang ke tempat asal atau berhijrah ke tempat yang baru. Jika hal ini sedemikian, maka perpaduan negara tidak dicapai oleh mana-mana negara termasuklah Malaysia kerana ketandusan rakyat yang mementingkan semangat kekitaan yang sanggup bersama-sama pemimpin untuk berjuang demi negara dan bangsa.

Dalam situasi masyarakat Malaysia kini, pelbagai isu dan konflik sering terjadi terutama melibatkan hubungan interaksi sosial antara berlainan kaum. Hal ini tercetus disebabkan kurang memberi penekanan terhadap mekanisme semangat kekitaan yang telah disebutkan di atas. Bahkan, konflik dan pergaduhan sering terjadi di institusi pendidikan yang memiliki taburan populasi etnik yang tidak seimbang menatijahkan pembentukan polarisasi kaum. Justeru itu, penelitian terhadap mekanisme semangat kekitaan ini dilihat berupaya menyediakan solusi yang lebih holistik terutama dalam penggubalan sistem kurikulum yang mesra perpaduan kepada kementerian pendidikan dan kementerian perpaduan negara.

## Kesimpulan

Konklusinya, terdapat elemen persamaan dan perbezaan di antara Teori '*Asabiyyah*' Ibnu Khaldun, Teori Pilihan William Glasser dan Kerangka *Sense of Belonging* oleh Allen et al. (2021) yang boleh diteliti dan diintegrasikan bersama bagi memantapkan lagi hubungan perpaduan kaum di Malaysia. Ibnu Khaldun, melalui teori *asabiyyah* beliau menekankan elemen kasih-sayang, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan yang menjadi teras kepada pembentukan semangat kekitaan masyarakat Malaysia yang pelbagai. Teori Pilihan William Glasser pula mengajak kita untuk memberi fokus kepada faktor kawalan dalaman yang sepatutnya dititikberatkan dalam penentuan tingkah laku sama ada produktif atau sebaliknya dalam usaha kita memenuhi keperluan hidup terutama dalam mencapai rasa dipunyai setiap individu. Demikian juga, kerangka *Sense of Belonging* oleh Allen et al. (2021) telah menggarap satu sudut pandang yang berbeza dengan membawa perbincangan semangat kekitaan ke arah pendekatan inklusif dan berstruktur. Justeru itu, gabungan tiga jenis pendekatan ini mencipta perspektif yang lebih universal merangkumi semangat kolektif namun tidak meminggirkan aspek keperluan asas individu untuk rasa dipunyai. Dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek ini secara komprehensif, perpaduan nasional dapat diperkuuhkan lagi dengan penubuhan dasar yang lebih berfokus dan terutama berkaitan dengan keharmonian kaum.

Oleh itu, hubungan teori dan model ini mampu menjadi struktur asas dalam memperkuuh perpaduan yang harmoni di Malaysia. Walau bagaimanapun, sedari kajian ini mempunyai limitasi dan had yang tertentu seperti penggunaan teori Ibnu Khaldun yang sekian lama telah diasaskan sejak berabad yang lalu, namun dengan usaha pengemaskinian bagi penyesuaian dalam konteks semasa tidak menjadikan ianya penghalang. Begitu juga dengan pemilihan teori pilihan oleh William Glasser yang meletakkan elemen kasih sayang dan kepunyaan sebagai salah satu keperluan asas manusia di samping keperluan asas yang lain namun ia tidak menyangkal kepentingan elemen tersebut untuk dijadikan salah datu motivasi dalam pengukuhan hubungan sosial masyarakat multietnik khususnya. Tambahan pula, pemilihan model *sense of belonging* oleh Allen et al. (2021) yang mula dibincangkan dalam konteks institusi pendidikan dilihat mempunyai signifikannya yang tersendiri kepada masyarakat umum melalui pembahagian komponen model kepada beberapa struktur yang lebih sistematik dan holistik. Justeru itu, diharap satu kajian lanjutan akan dijalankan bagi menguji teori dan model di atas secara empirikal pada masa akan datang.

**Penghargaan:** Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod rujukan FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/2.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan antara semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdullah, S. (2022). Keselarasan Teori Ketamadunan Ibnu Khaldun dengan Konsep Keluarga Malaysia: The Conformity of Ibn Khaldun's Theory of Civilization with The Malaysian Family Concept. *Jurnal Pengajian Islam*, 154-167.
- Abdullah, S., & Mohd Talib, N. (2023). Kecemerlangan Tamadun Islam di Andalus berdasarkan Teori'Umran Ibnu Khaldun. *e-BANGI Journal*, 20(3).
- Alatas, S. F. (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6): 782–795.

- Alatas, S. F. (2014). *Appying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. New York: Routledge.
- Alatas, S. F., & Sinha, V. (2017). *Sociological theory beyond the canon*. Springer.
- Al Habsy, B., Rahmah, M. A., Putri, C. K., & Arifuddin, T. W. (2024). Konsep Dasar Konseling Kelompok Menggunakan Pendekatan Realita. *Jurnal Pendidikan Non formal*, 1(4), 12-12.
- Allen, K. A., Kern, M. L., Rozek, C. S., McInerney, D. M., & Slavich, G. M. (2021). Belonging: A review of conceptual issues, an integrative framework, and directions for future research. *Australian journal of psychology*, 73(1), 87-102.
- Allen, K. A. (2020). *Psychology of belonging*. Routledge
- Allen, K. A., Slaten, C. D., Arslan, G., Roffey, S., Craig, H., & Vella-Brodrick, D. A. (2021). School belonging: The importance of student and teacher relationships. In *The Palgrave handbook of positive education* (pp. 525-550). Cham: Springer International Publishing.
- Allen, K. A., Gray, D. L., Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (2022). The need to belong: A deep dive into the origins, implications, and future of a foundational construct. *Educational psychology review*, 34(2), 1133-1156.
- Allen, K. A., Gray, D. L., Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (2022). The need to belong: A deep dive into the origins, implications, and future of a foundational construct. *Educational psychology review*, 34(2), 1133-1156.
- Allen, K. A., Jamshidi, N., Berger, E., Reupert, A., Wurf, G., & May, F. (2022). Impact of school-based interventions for building school belonging in adolescence: A systematic review. *Educational Psychology Review*, 34(1), 229-257.
- Allen, K. A., Jamshidi, N., Berger, E., Reupert, A., Wurf, G., & May, F. (2022). Impact of school-based interventions for building school belonging in adolescence: A systematic review. *Educational Psychology Review*, 34(1), 229-257.
- Allen, K. A., Waters, L., Arslan, G., & Prentice, M. (2022). Strength-based parenting and stress-related growth in adolescents: Exploring the role of positive reappraisal, school belonging, and emotional processing during the pandemic. *Journal of Adolescence*, 94(2), 176-190.
- Allen, K. A., Cordoba, B. G., Parks, A., & Arslan, G. (2022). Does socioeconomic status moderate the relationship between school belonging and school-related factors in Australia?. *Child Indicators Research*, 15(5), 1741-1759.
- Allen, K. A., & Boyle, C. (2022). School belonging and student engagement: The critical overlaps, similarities, and implications for student outcomes. In *Handbook of research on student engagement* (pp. 133-154). Cham: Springer International Publishing.
- Allen, K. A., Gallo Cordoba, B., Ryan, T., Arslan, G., Slaten, C. D., Ferguson, J. K., ... & Vella-Brodrick, D. (2023). Examining predictors of school belonging using a socio-ecological perspective. *Journal of Child and Family Studies*, 32(9), 2804-2819.
- al-Khudhairi, Z. (1979). *Filsafat Sejarah Ibnu Khaldun*. Bandung: Pustaka
- Bahri, H. S. S., & Musa, R. (2022). [The Concept of Asabiyah According to Ibn Khaldun] Konsep Asabiyah menurut Ibnu Khaldun. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 23(1), 145-156.
- Bartenstein, A. (2024). Variations of European climate solidarity: From intergovernmental to social solidarity relations. *Global Social Policy*, 14680181241246759.
- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). The need to belong: Desire for interpersonal attachments as a fundamental human motivation. *Psychological Bulletin*, 117(3), 497–529.  
<https://doi.org/10.1037/0033-2909.117.3.497>
- Claridge, T. (2018). Functions of social capital—Bonding, brid ging, linking. Social Capital Research.
- Crawford, J., Allen, K. A., Sanders, T., Baumeister, R., Parker, P., Saunders, C., & Tice, D. (2024). Sense of belonging in higher education students: an Australian longitudinal study from 2013 to 2019. *Studies in Higher Education*, 49(3), 395-409.

- Dion, M. (2007). According to Khaldun's Concept of History and the Quranic Notions of Economic Justice and Temporality. Dalam Tymieniecka, A-T. (Ed.), *Timing and Temporality in Islamic Philosophy and Phenomenology of Life* (ms. 323–340). Netherlands: Springer.
- Fajariyah, I. (2021). *Efektivitas Konseling Kelompok dengan Pendekatan Realita untuk Meningkatkan Minat Belajar Di SMA Negeri 5 Pamekasan* (Doctoral dissertation, INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI MADURA).
- Glasser, W. (1999). *Choice theory: A new psychology of personal freedom*. HarperPerennial.
- Glasser, W. (1975). Reality therapy: A new approach to psychiatry. Harper Colophon.
- Glasser, W. (1992). The quality school: Managing students without coercion. Harper Perennial.
- Gül, O., Yamaner, E., TÜRKMEN, E., Özant, M. İ., & ÇAM, M. K. (2024). A comprehensive study of imagery practices in Turkish Folk Dances from a socio-cultural perspective. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences*, 22(1), 5845-5851.
- Hagerty, B. M., Lynch-Sauer, J. L., Patusky, K., Bouwsema, M., & Collier, P. (1992). Sense of belonging: A vital mental health concept. *Archives of Psychiatric Nursing*, 6(3), 172177. [https://doi.org/10.1016/0883-9417\(92\)90028-h](https://doi.org/10.1016/0883-9417(92)90028-h)
- Holmes, E. A., O'Connor, R. C., Perry, V. H., Tracey, I., Wessely, S., Arseneault, L., Ballard, C., Christensen, H., Cohen Silver, R., Everall, I., Ford, T., John, A., Kabir, T., King, K., Madan, I., Michie, S., Przybylski, A. K., Shafran, R., Sweeney, A., Worthman, C. M., Bullmore, E. (2020). Multidisciplinary research priorities for the COVID-19 pandemic: a call for action for mental health science. *The lancet Psychiatry*, 7(6), 547–560
- Ibnu Khaldun (1967), *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Terjemahan oleh Franz Rosenthal. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Ibnu Khaldun (2009). *Mukadimah*. Terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun (1978). Al-Muqaddimah. Dar Al-Qolam.
- Jones-Smith, E. (2016). *Theories of counseling and psychotherapy : an integrative approach*. Sage Publications Inc.
- Leary, M. R., & Kelly, K. M. (2009). Belonging motivation. In M. R. Leary & R. H. Hoyle (Eds.), *Handbook of individual differences in social behavior* (pp. 400–409). Guilford Press. <https://psycnet.apa.org/record/2009-12071-027>
- Lundälv, J., & Kihlström, A. (2024). Solidarity in social policy—the extent of drain risk: A study focusing on the two dominant political blocs in Sweden. *Sociologisk Forskning*, 61(1), 65-90.
- Ma, Y., Zhuang, Y., & Liu, C. (2024). Interaction rituals in a crisis: The case of COVID-19 in China. *Asian Journal of Social Science*, 52(1), 35-43.
- Ma'Mun, M. A. B. H., & Ismail, M. A. M. B. (2024) Falsafah Islam dalam pembentukan nilai masyarakat yang harmoni dalam kalangan penduduk desa anggerik.
- Maslow, A. H. (1987). *Motivation and Personality* (3rd Ed.). New York, NY: Harper and Row.
- Masena, R. (2022). *Konseling Pastoral dengan Menggunakan Teknis Konseling Realitas bagi Anak yang Mengalami Luka Batin di Kelurahan Benteng Ambeso* (Doctoral dissertation, Institut Agama Kristen Negeri (IAKN) Toraja).
- Mohd Noor, M., & Ishak, M.S. (2019). *IPNas: Model integrasi kesepadan nasional rakyat malaysia(slaidPowerPoint)*.[https://www.jpnin.gov.my/pdf/Seminar%20IPNas\\_Prof.%20Dr%20Mansor%20dan%20PM%20Dr.%20Mohd%20Sobhi.pdf](https://www.jpnin.gov.my/pdf/Seminar%20IPNas_Prof.%20Dr%20Mansor%20dan%20PM%20Dr.%20Mohd%20Sobhi.pdf)
- Mahdi, M. (1957). *Ibn Khaldun's Philosophy of History: A Study in the Philosophic Foundation of the Science of Culture*. London: George Allen and Unwin.
- Pramono, M. F., Latief, M., & Putri, H. A. (2023). Crisis Studies of The Discourse of Identity Politics in Indonesia from The Perspective of Asabiyah Ibn Khaldun. *Potret Pemikiran*, 27(2), 148-160.
- Putnam, R. (2000). Bowling alone: The collapse and revival of American community. Simon & Schuster.
- Sairan, M. A. A., & Ahmad, S. (2022). Perspektif pemikiran tokoh Islam Muhammad Uthman El-Muhammady terhadap teori sosial, masyarakat asabiyah dan kebudayaan:(The thought of an Islamic

- figure Muhammad Uthman El-Muhammady towards Social Theory, Asabiyyah Society, and Culture). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 121-139.
- Suyato, S., & Hidayah, Y. (2024). Increasing Social Care Through Civic Education in Higher Education. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 43(1), 44-61.
- Tan, S. (2024). Contrapuntal Citizenship: Solidarity Protests and Multi-layered Belonging in the Lebanese Diaspora in France. *Journal of Intercultural Studies*, 45(5), 836-851.
- Tohar, S. N. A. M. (2016). Pengaruh Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah terhadap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam Kalangan Mahasiswa Pelbagai Etnik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Tohar, S. N. A. M., Halim, A. A. & Samsu. K. H. K. (2017). Pengukuran tahap pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 105-122.
- Walter, S. M., Lambie, G. W., & Ngazimbi, E. E. (2008). A choice theory counseling group succeeds with middle school students who displayed disciplinary problems. *Middle School Journal*, 40(2), 4-12. <https://doi.org/10.1080/00940771.2008.1146166>
- Wan Teh, W. H. (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad ke 21. Dalam Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh dan Ghazali Shafie (Ed.), *Tamadun Melayu Menyongsang Abad kedua puluh satu* (ms. 69-144). Bangi: Penerbit UKM.
- Widowati, D. N., & Sherly, M. I. (2025). Analisis Pembatasan Kewenangan Bawaslu dalam Sentra Gakkumdu Perspektif Sosiologi Fungsionalis. *Tumoutou Social Science Journal*, 2(1), 42-53.
- Yazid, A., Sugitanata, A., Hasan, F., Ulirrahmi, F., & Sholikhah, S. K. (2024). The Role of Bales Nae Tradition in Strengthening Family Harmony and Social Cohesion in the Sasak Community of Lombok, Indonesia. *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah*, 22(1), 79-94.
- Mahamod, Z., Yusoff. N. M. R. N., Othman, S., Lambri, A. & Hassan, H. (2020). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 27-36.
- Zulhadi, R., & Wahidah, W. (2023). Bimbingan Klasikal Teori Pilihan Untuk Meningkatkan Tanggung Jawab Diri. *Jurnal Pendidikan dan Konseling (JPDK)*, 5(1), 3456-3462.